

09/05/2000

Larangan bawa telefon bimbit

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Isnin - Mereka yang terbabit dengan pengiraan undi pada pemilihan Umno pada Rabu dan Khamis ini, diharamkan daripada membawa telefon bimbit ke bilik pengiraan.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata pemeriksaan rapi akan dikenakan ke atas setiap orang yang masuk ke bilik berkenaan dan mereka yang sudah berada di dalam tidak akan dibenarkan keluar.

Katanya, tindakan tegas itu bagi memastikan ketelusan sewaktu pengiraan undi dan mengelak sebarang kontroversi seperti berlaku pada pemilihan sebelum ini.

"Kita tidak akan benarkan 'handphone' dalam bilik pengiraan undi. Kita akan membuat pemeriksaan teliti.

"Ketika ini saya puas hati dengan cara penyediaan bilik itu kerana ia lengkap dengan semua kemudahan termasuk tempat berehat, bilik sembahyang, tandas, tempat makan. Semuanya lengkap," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas meninjau persediaan menjelang Perhimpunan Agung Umno, yang akan bermula dengan perhimpunan Pemuda dan Wanita, lusa.

Bilik pengiraan undi dibahagikan kepada dua kawasan, yang lengkap dengan meja dan tempat pengiraan. Kawasan itu akan diawasi ketat oleh Jawatankuasa Pemilihan diketuali Tan Sri Kamarul Ariffin dan dibantu petugas ibu pejabat Umno dan petugas sementara terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi.

Khalil juga berpuas hati dengan persediaan untuk perhimpunan agung di PWTC yang sudah mencapai tahap 90 peratus.

Seperti biasa, menjelang perhimpunan agung, Majlis Taklimat Presiden akan diadakan petang esok dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi amanat kepada ketua-ketua bahagian.

Perhimpunan agung akan bermula dengan mesyuarat Wanita dan Pemuda yang akan dirasmikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada pagi Rabu, diikuti pengundian memilih barisan kepemimpinan kedua-dua sayap Umno itu.

Kemuncak perhimpunan kali ini ialah pada Khamis apabila pengundian untuk memilih tiga Naib Presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi (MT).

(END)